

Bandar raya lestari fokus aspek kemanusiaan

B.H 06/02/08 M/S 8



dan pusat riadah juga sering kali tidak mencapai tahap sewajarnya, sekali gus mendatangkan pelbagai masalah sampingan seperti penyakit sosial dan jenayah terancang.

Malah, bandar raya juga sudah semakin jauh dengan budaya hedonisme, sekali gus terpisah daripada idealisme spiritual seperti mana tersirat dalam gagasan Madani, merujuk kepada bandar Madinah yang ditunjangi asas iman dan akhlak mulia.

Itulah sebabnya banyak usaha dilakukan untuk menilai dan merumus semula konsep pembangunan bandar raya supaya lebih lestari dengan menonjolkan imej mesra alam, ramah, moden, dinamik dan peradaban tinggi.

Sehubungan itu, saya dijemput memberi kuliah mengenai bandar raya lestari di Kuala Terengganu pada 3 Februari lalu. Majlis tajaan Perpustakaan Negeri Terengganu dan MINDceT itu dianjurkan sempena perisytiharan Kuala Terengganu sebagai bandar raya dengan aspirasi 'bandar raya pesisir air', 1 Januari lalu.

Definisi bandar raya lestari, menurut rumusan Persidangan URBAN21 di Berlin pada Julai 2000, merujuk kepada gagasan untuk meningkatkan kualiti hidup bandar, merangkumi komponen ekologi, budaya, politik, institusi, sosial dan ekonomi tanpa membebankan generasi akan datang.

Dengan kata lain, bandar raya lestari merangkumi pemantapan nilai, sifat, dinamisme, kemudahan dan prasarana lestari

dari segi penggunaan sumber tenaga, bekalan air dan pelupusan sisa efisien, sistem pengangkutan canggih, reka bentuk bangunan dan prasarana mesra alam dengan dikelilingi kehijauan pelbagai flora dan fauna. Bandar raya lestari juga seharusnya ditunjangi pelbagai kegiatan martabat tinggi dari segi keilmuan, penyegaran minda, penyuburan rohaniah, hubungan sosial dan kegiatan perdagangan.

Dari aspek pelestarian alam sekitar, proses perbandaran biasanya menghadapi enam cabaran utama, iaitu sistem pengangkutan, bekalan tenaga, pengurusan air sisa dan sisa pepejal, pengurusan sistem perparitan dan saliran bandar, pemuliharaan kawasan hijau, riadah serta siar kaki, dan kemudahan infrastruktur. Masalah lain juga sering kali meruncing, seperti peluang pekerjaan, kepadatan penduduk, pembangunan industri, keselamatan dan zon pemisah antara bangunan.

Selain aspek fizikal dan ekosistem, sebuah bandar raya lestari juga perlu mengekalkan ciri kemanusiaan, adat resam dan agama, khususnya dalam konteks pembangunan kemasyarakatan prihatin, dan nilai lain seperti reka bentuk dan seni bina unik berlatar belakang citra tempatan.

Semua unsur itu menjadi agenda penting dalam pembangunan bandar di serata dunia. Itulah yang mendorong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengisytiharkan Hari Alam Sekitar Sedunia 2006 dengan tema 'Urbanisme Baru' kerana le-

bih 70 peratus penduduk dunia tinggal di persekitaran bandar yang semakin sesak, kotor dan tercemar.

Dalam hal ini, ramai arkitek dan penasihat institusi pengajian tinggi tempatan, termasuk Universiti Teknologi Malaysia mengemukakan konsep dan kaedah pembinaan rumah kediaman lebih selesa dan mampu milik yang tidak semestinya bersaiz besar. Selain itu, beberapa Pihak Berkuasa Tempatan memulakan inisiatif untuk menerapkan konsep bandar lestari dengan memberi keseimbangan antara faktor kemanusiaan, alam sekitar dan struktur bandar.

Gagasan bandar raya lestari mula dilaksanakan secara menyeluruh di Kyoto, Perth dan Stockholm. Pada hemat saya, gagasan bandar raya lestari sesuai bahkan perlu dilaksanakan, khususnya di Kuala Lumpur, Putrajaya, Johor Bahru, Melaka, Pulau Pinang dan Kuala Terengganu.

Rasionalnya, bandar raya perlu berwajah baru dengan citra Malaysia yang lebih lestari dan kontemporari. Selain itu, gagasan bandar raya lestari juga merangsang warga kota supaya turut berperanan aktif mengijau dan memulihkan persekitaran bandar dengan sikap dan amalan baru lebih mesra alam.

Ketika melancarkan pelan induk pengangkutan awam di Kuala Lumpur pada awal Januari lalu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengingatkan semua pihak bahawa peratus penggunaan

pengangkutan awam di kalangan warga kota masih kecil berbanding dengan kebanyakan bandar raya di negara maju. Warga Kuala Lumpur masih cenderung menggunakan kenderaan sendiri ke tempat kerja atau berurusan di bandar raya. Banyak pihak memberi alasan berhubung ketidakcekapan perkhidmatan dan rangkaian pengangkutan awam masih terhad.

Namun, inisiatif perlulah dimulakan sekarang untuk meningkatkan lagi rangkaian sedia ada. Selain itu, orang ramai juga perlu didedahkan kepada konsep dan amalan lestari dari segi pengangkutan. Prinsipnya, semakin banyak kenderaan persendirian di pusat bandar maka semakin sesak jalan raya dan semakin banyak gas-gas cemar alam akan dibebaskan di ruang udara. Dalam hal ini, pengangkutan awam boleh mengurangkan impak alam sekitar tersebut sekali gus lebih menjimatkan pengguna.

Semua pelan induk perancangan bandar ini perlu dilaksanakan segera dan sebaiknya sebelum keadaan bandar raya menjadi lebih parah. Lebih penting warga kota perlu dididik supaya sama-sama memahami dan menghayati minda dan cara hidup lestari. Hakikatnya warga kota menjadi asas kewujudan sesebuah bandar raya lestari, bukannya tembok, bangunan konkrit, jaringan LRT atau jalan raya bertol. Fokus bandar raya lestari ialah manusia dan kemanusiaan, bukan sistem atau bahan binaan!